



Tengku, di dalam lawatannya ke Pakistan menyebut harapannya untuk mengadakan *Commonwealth* Islam – ertinya dapatlah negara-negara Islam itu bersatu dan bertukar-tukar fikiran dalam masalah yang mengenai hal ehwal orang-orang Islam. Cita-cita bersatu ini molek benar dan patut dipuji. Tetapi ada seperkara yang lain yang nampaknya Tengku kurang selidik, iaitu di antara perkara-perkara yang diminta fikiran oleh Tengku kalau bersatu ialah di dalam perkara persoalan: waktu puasa biar disamakan sahaja antara semua negeri dengan 12 jam dan tidak ada di antaranya sehingga 15 dan 16 jam sehari serta menyamakan perkara menghapuskan poligami. Perkara ini perkara agama harus Tengku kurang mengerti.

* * *

Jawab Tengku perhatikan tentang puasa. Di dalam sūrat al-Baqarah ayat 187, menyatakan bahawa puasa itu diadakan di antara malam dan siang – tidak dengan jam. Kalau daripada al-Qur’ān hendak diubah dengan jam, bagaimana halnya Tengku? Mudah-mudahan lain kali Tengku berhati-hati atau kalau hendak berkata-kata tentang agama bawalah ahlinya supaya jangan terbabas.

* * *

Tengku berkata pula tentang kahwin poligami di Pakistan. Apakah dengan menyekat poligami atau menghalang-halangi poligami itu orang akan terjauh daripada maksiat terutamanya zina? Kalau undang-undang poligami diketatkan maka dua perkara yang jadi: (1) Orang-orang akan kahwin tidak mau daftar – kahwin sunyi-sunyi – ertinya orang digalakkan melanggar undang-undang negeri. (2) Orang suka sama suka akan terjadi – akhirnya berzina dan banyak anak zina. Akhirnya keturunan yang diharamkan oleh agama berkepanjangan sebab boleh pinjam-meminjam isteri. Kesudahannya: tidakkah kita pada zaman ini yang mengadakan sekatan itu akan bertanggungjawab

kelak atas keturunan yang berkepanjangan? Mudah-mudahan kita bersama dijauhkan Allah!

* * *

Penuntut-penuntut akhir di Sekolah *Craft Centre* telah mogok tidak mau hadir di dalam peperiksaan, kerana kelulusan mereka tidak ada diakui oleh kerajaan. Khabaran Bung Haji Ya’acob Mohamed, dalam ucapannya di sekolah itu dahulu telah berjanji dengan janji-janji yang menggalakkan. Tetapi sijil sekolah itu tidak diakui – dan mereka akhirnya terasa telah jadi korban. Begitulah cik adik nasib bangsa kita. Kerja-karya yang ada nampaknya, sekalipun berpelajaran jadi babu ataupun jadi pelayan – inikah untung nasib bangsa kita? *Wallāhu a’lam*.

* * *

Menurut punca-punca yang dipercayai, Majlis Penasihat Islam Singapura telah melantik tujuh orang ahli-ahlinya untuk menyiasat pengaduan-pengaduan yang terjadi dalam perkara nikah cerai di Mahkamah Syariah Singapura, terutamanya di dalam perkara kahwin lebih dari satu yang ditolak. Kalau berita ini benar – ertinya Majlis telah menyedari sungutan-sungutan dari luar. Ini disyukuri, tetapi adakah Majlis akan terus mengadakan kesulitan-kesulitan tentang orang yang hendak poligami? Tanyalah ahli-ahli Majlis!

* * *

Majlis, di dalam kenyataannya, kalau orang ramai tidak berpuas hati dengan *Chief Kadi* atas perkara hendak berpoligami hendaklah *appeal* kepada Presiden Mahkamah Syariah. Anjuran ini disyukuri, tetapi orang-orang Islam yang miskin atau kurang kemampuan hendak pula tahu apakah *appeal* itu kena bayaran atau *free*!

* * *

Tengku patut dipuji, kerana langkah-langkahnya tegas terhadap kepada Komunis. Ketegasan itu tentunya tidak membezakan di antara Komunis Malaya, Komunis Indonesia, Komunis Cina dan sebagainya. Tetapi Tengku nampaknya kurang memerhatikan pengaruh-pengaruh kebudayaan yang meresap datangnya dari Indonesia yang banyak berunsur Hindu yang ditelan terus oleh orang-orang kita di sini. Tidakkah kelak dengan unsur-unsur itu lulus jarum lulus kelindan? – jawabnya tanya **Cemeti al-Farouk**.